

ERA BARU

DATE: 6 / 11 / 2007

# Benarkah Anwar ingin jumpa Dr M?

Era Baru - 6/11/2007.

Oleh : Pemerhati Politik

BEKAS Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail telah mengadakan rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri di kediaman mereka di Segambut, baru-baru ini. Beberapa orang yang mengunjungi rumah terbuka itu berkata bahawa masih ramai yang menjadi peminat Anwar dan mereka terdiri dari golongan pelbagai kaum termasuk orang-orang UMNO dan sahabat-sahabat lama Anwar.

Dalam pada itu, difahamkan dari sumber-sumber yang boleh dipercayai, Anwar ingin sangat menemui bekas bosnya, Tun Dr Mahathir Mohamad yang telah dibenarkan keluar dari hospital IJN, dihari yang sama Anwar mengadakan Rumah Terbuka, untuk bertanya khabar dan mungkin juga untuk memohon maaf di atas tingkah laku beliau ketika berada dalam Parti dan Kerajaan dan selepas dipecat.

Pemerhati politik melihat kepada hasrat Anwar itu sebagai satu hasrat yang murni dan dialu-alukan. Apapun mereka tertanya-tanya apakah agaknya yang membuatkan Anwar tiba-tiba teringin untuk menemui 'musuh ketatnya' itu? Ada yang mengatakan bahawa mungkin Anwar telah menyedari diatas kesilapan beliau terhadap bosnya yang telah mengangkat beliau sebagai orang nombor dua terpenting dalam Parti dan Kerajaan selain dari Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah begitu sayang kepada mereka berdua.

Dalam pada itu, Anwar yang kini menjadi penasihat Parti KeA-



Tun Mahathir Mohamad

dilan tidak mungkin dapat diterima semula ke dalam UMNO, apatah lagi beliau kini sedang berusaha mendapatkan sokongan dari pelbagai kaum dengan sanggup mengeneipikan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diwujudkan untuk membantu kaum Melayu dalam pelbagai bidang. Perbuatan Anwar itu dilihat sebagai satu kesilapan besar yang beliau lakukan dan ada juga yang menganggap Anwar sebagai pengkhianat kerana sanggup mengeneipikan agenda Melayu untuk kepentingan diri

Sementara itu, kehadiran beberapa pemimpin UMNO di rumah terbuka Anwar juga dilihat kerana mereka ini dikatakan amat kecewa dengan beberapa pemimpin tertinggi UMNO kini yang hanya mementingkan diri dan tidak berani menegur mengenai beberapa dasar yang sudah dipesong dan terpesong yang



Datuk Seri Anwar Ibrahim

merugikan bangsa Melayu.

Diharapkan hasrat Anwar untuk bertemu dengan Tun Dr Mahathir akan dapat dilakukan dalam masa terdekat ini.

Tetapi ia bergantung kepada bekas Perdana Menteri itu samada beliau sanggup menerima Anwar dan memaafkan beliau dan dengan sekali gus anwar menarik balik saman malu yang beliau kenakan keatas Dr Mahathir.

Apa pun, ada kemungkinan besar di bulan yang baik dan murni ini dimana umat Islam bermaaf-maafan diantara satu sama lain, Tun Dr Mahathir akan terbuka hatinya untuk memaafkan Anwar jika Anwar benar-benar ikhlas dan bersungguh-sungguh memohon kemaafan dari Tun Dr Mahathir dan juga dari Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang pada suatu ketika dahulu Anwar dan Wan Azizah pernah anggap mereka sebagai bapa dan ibu.